

**M**ENJADI pegawai veterinar atau doktor haiwan memang impian sesetengah individu terutama di kalangan mereka yang mempunyai minat, sayang dan prihatin terhadap haiwan tanpa mengira jenis.

Pada masa ini, keperluan untuk mengisi jawatan itu di negara ini amat mendesak. Peluang bagi mereka yang berminat untuk berjaya sebagai doktor haiwan dengan membuka klinik sendiri adalah cerah.

Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, baru-baru ini, menyebut kekurangan pegawai veterinar atau doktor haiwan di negara ini semakin kritis sehingga memaksa Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) mengambil pegawai yang sudah bersara berkhidmat dengan jabatan berkenaan.

Beliau berkata, pengambilan pegawai yang sudah bersara untuk berkhidmat secara kontrak itu dibuat bagi membolehkan mereka membantu usaha kementerian memajukan sektor penterangan.

Katanya, masalah kekurangan doktor haiwan dalam perkhidmatan awam juga disebabkan graduan veterinar tidak berminat berkhidmat dengan kerajaan.

"Selain mengisi kekosongan jawatan, pengambilan doktor haiwan yang sudah bersara berkhidmat semula kerana kementerian mahu tenaga kerja pakar dan berpengalaman terutama dalam mengendalikan program berimpak tinggi kerajaan seperti Pusat Fidlot Negara (NFC) dan usaha menghapuskan wabak penyakit kuku dan mulut menjelang 2009.

"Kita juga melantik pegawai veterinar asing untuk mengisi kekosongan berdasarkan kepakaran, teknologi dan kekosongan yang tidak lapan diisi tenaga tempatan," atanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kongres Persatuan Veterinar Malaysia (VAM) baru-baru ini.

Beliau berkata, kerajaan berhasrat untuk meletakkan satu daerah seorang pegawai veterinar, namun perkara itu sukar dicapai kerana ketika ini untuk mengisi kekosongan jawatan menggantikan mereka yang bersara pun menghadapi masalah kerana

# Kerjaya bagi pecinta haiwan



**KAJIAN...**pembantu veterinar, Shahrin Ibrahim (kiri) dibantu pemilik premis menjual burung, Tan Siew Toom di Jalan Datuk Kumbar, Alor Star, mengambil contoh calitan najis burung merpati untuk dianalisis.



**SAYANG...**minat mendalam terhadap haiwan perlu ada dalam diri seseorang yang berminat menjadi doktor haiwan.



**PRIHATIN...**Dr Chit Wood (kanan) dari Kor Veterinar askar marin Amerika Syarikat memeriksa seekor kucing di Klinik Haiwan Seri Kemunting, Kuantan, Pahang.

tiada calon.

Berikut itu, bidang itu menawarkan peluang kerjaya yang cerah berikut mempunyai permintaan tinggi dan amat diperlukan pada masa ini.

Bagi mereka yang berminat, banyak pintu yang boleh dilalui bagi merealisasikan impian itu seperti melanjutkan pengajian dalam bidang terbabit di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Fakulti perubatan veterinar UPM menawarkan program prasiswazah, siswazah dan pendidikan lanjut dalam bidang berkenaan bagi melayakkan graduan menjadikan kerjaya doktor haiwan sebagai profesion yang sah.

Graduan berpeluang mengisi jawatan sebagai pegawai veterinar dalam pelbagai agensi seperti sektor kerajaan dan syarikat swasta yang terbabit dalam industri haiwan atau membuka klinik haiwan sendiri.

Sementara itu, UiTM pula menawarkan jurusan Kesihatan Haiwan dan Penerangan yang mengiktiraf graduan lulusan itu sebagai Penolong Pegawai Veterinar

# Doktor haiwan merupakan satu tugas menarik dan sangat diperlukan untuk mengisi kekurangan tenaga dalam bidang berkenaan

dalam perkhidmatan kerajaan dan penternakan.

Syarat utama bagi seseorang individu yang memasang cita-cita menjadikan tugas merawat haiwan sebagai kerjayanya perlu mempunyai minat mendalam terhadap haiwan.

Selain itu, mereka juga perlu bersedia bekerja dengan masa yang tidak menentu selain tidak boleh menolak sebarang kes merawat haiwan peliharaan sama ada untuk menyelamatkan kucing atau anjing.

Mereka yang berminat menjadi doktor haiwan juga boleh merujuk kepada VAM yang ditubuhkan secara rasmi pada 1989 melalui penggabungan Persatuan Veterinari Malaysia dan Persatuan Pakar Bedah Veterinar Malaysia.

Antara tujuan penubuhan VAM adalah menyalurkan maklumat dan memperkenalkan bahan yang berkaitan dengan profesion sebagai veterinar kepada orang ramai termasuk juga sektor kerajaan.

Tugas seorang doktor haiwan meliputi membuat diagnosis penyakit, merawat kecederaan, menentukan jenis ubat untuk haiwan, memberi ubat pelali dan menjalankan pembedahan haiwan.

Mereka juga bertanggungjawab memberi nasihat kepada pemilik haiwan peliharaan mengenai cara pemakanan dan penjagaan yang betul kepada mereka.

Selain menjaga kebajikan haiwan itu sendiri, kerjaya ini penting kerana doktor haiwan boleh menggunakan kemahiran mereka untuk tujuan melindungi manusia daripada penyakit bawaan haiwan dan mengendalikan kajian klinikal terhadap kesihatan manusia dan haiwan.